### Munkar dan Nakir
**Menyoal manusia di dalam kubur**



## Raqib

Mencatat amalan kebaikan manusia



## Atid

Mencatat amalan kejahatan manusia



## Malik

Menjaga neraka

*"Neraka ialah tempat azab bagi orang kafir dan orang yang menderhakai Allah SWT".

## Ridwan

Menjaga syurga

*"Syurga ialah tempat tinggal orang yang beriman dan beramal soleh sebagai balasan daripada amalan kebajikan yang mereka lakukan di dunia".

Nota Guru

- Sumbang saran berkaitan paparan dengan murid.
- Minta murid menyebut nama malaikat dan tugasannya.

3.2.3

## Aktiviti

Baca, hafal dan sebut semula pengertian malaikat

Malaikat ialah makhluk yang dicipta oleh Allah SWT daripada cahaya. Sifat dan tabiatnya sentiasa tunduk dan patuh kepada Allah SWT dan tidak pernah melanggar perintah-Nya.



Nota Guru
- Bimbing murid membaca dan menghafal pengertian malaikat.
- Minta murid menyebut semula pengertian malaikat yang dihafal di hadapan kelas.

## Bincangkan dan kenal pasti nama malaikat




1. Lelaki tua yang tinggal di hujung kampung itu telah meninggal dunia.
2. Pokok bunga raya itu tumbuh subur setelah disirami hujan.
3. Manusia akan disoal oleh dua malaikat ketika di alam kubur.
4. Apabila sangkakala dibunyikan, maka berlakunya kiamat.
5. Malaikat yang menjaga penghuni syurga dan neraka.
6. Segala perbuatan manusia sama ada baik atau buruk akan dicatat.
7. Rasulullah SAW menerima wahyu daripada Allah SWT.

Nota Guru
- Fahamkan pernyataan kepada murid.
- Bincangkan pernyataan bersama-sama murid.

Cuba jawab



Jibrail

Menyampaikan wahyu

Izrail

?

?

Menyoal manusia di alam kubur

Ridwan

Menjaga syurga

?

Menjaga neraka




Nota Guru
- Minta murid membaca dan menghafal nama malaikat dan tugasannya secara latih tubi.
- Bantu murid melengkapkan nama malaikat dan tugasannya dengan betul.

Laman Kreatif

## Lagu Sepuluh Malaikat

Assalamualaikum kami ucapkan,
Kepada rakan dan taulan sekalian,
Lagu ini kami persembahkan,
Nama malaikat dan juga tugasan. *(ulang)

Malaikat Jibrail menyampaikan wahyu,
Kepada rasul daripada Tuhan yang Satu,
Mikail bawa hujan ke bumi yang lesu,
Rezeki dan rahmat untuk umat bersatu.

Malaikat Israfil meniup sangkakala,
Itu tugasnya ketika kiamat tiba,
Tugas Izrail pula mencabut nyawa,
Habis sudah usia di dunia fana.

Munkar dan Nakir dua malaikat,
Di alam barzakh manusia disiasat,
Raqib dan Atid sebagai pencatat,
Amal baik buruk semua diingat.

Malik dan Ridwan setia menjaga,
Mengawal neraka dan juga syurga,
Sepuluh malaikat sentiasa siaga,
Menurut perintah Allah tidak terduga.



Bersyukur Tanda Keimanan

Nota Guru
• Pelbagaikan rentak dan irama lagu ini.
• Bantu murid membuat persembahan di dalam kelas.

# Unit 3.3 Beriman kepada Kitab

## Fahami dialog




*Sumber*:
- *Iman: Rukun, Hakikat dan Pembatalannya*, 2010. Kedah: Pustaka Darussalam Sdn. Bhd.

Nota Guru
- Minta dua orang murid membaca dialog.
- Sumbang saran berkaitan dialog dengan murid.

## Baca dan fahami




**Info**

Kitab dan penerimanya:
Taurat - Nabi Musa a.s.
Zabur - Nabi Daud a.s.
Injil - Nabi Isa a.s.
Al-Quran - Nabi Muhammad SAW




Nota Guru
- Minta murid membaca dan memahami dialog.
- Minta murid menyebut dan mengingati nama-nama kitab.

3.3.1 – 3.3.2

## Pantun

Dari Sandakan terus ke Labuan,
Membeli lepat di Kampung Selamat;
Al-Quran diturunkan sebagai panduan,
Mendapat **syafaat** pada hari kiamat.

Kunyit ditumbuk dengan halia,
Perapkan bahan untuk hidangan;
Al-Quran membentuk akhlak mulia,
Jadi **panduan** masa hadapan.

Makan sepinggan penuh pepahat,
Susun cawan di kain kasa;
Kandungan al-Quran mendasari **syariat**,
Baca dan amalkan setiap masa.






Bunga keti tersimpul seni,
Ikat kuat jangan melayang;
Al-Quran **wajib** kita yakini,
Hidup berkat Allah SWT pun sayang.

Musim semi sangatlah indah,
Mekar tumbuhnya di sana sini;
Al-Quran merangkumi **akidah** dan **ibadah**,
Amalan perlakuannya sungguh berseni.

Kembang kuntum di hujung dataran,
Sayang kudup kembang tak jadi;
**Sumber hukum** dalam al-Quran,
Jaminan hidup sejahtera abadi.



**Info**

Al-Quran diturunkan:
- Dalam bahasa Arab
- Sebagai panduan kepada manusia.

**Maksud perkataan:**

* Musim semi: musim bunga
* Kudup: kuntum atau kuncup (bunga)

**Nota Guru**
- Minta murid membaca pantun bersama-sama.
- Minta murid mengeluarkan isi penting pantun tentang panduan hidup.

3.3.3 – 3.3.4



## Aktiviti

Baca bersama-sama rakan

### Pengertian Kitab

Kitab bermaksud → wahyu Allah SWT → yang diturunkan → kepada para rasul → untuk menjadi panduan → umat manusia

Kitab bermaksud wahyu Allah SWT yang diturunkan kepada para rasul untuk menjadi panduan umat manusia.

Nota Guru
- Minta murid membaca kad potongan ayat secara berpasangan.

## Perbincangan kumpulan




**Arahan:**

1. Guru perbanyakkan peta i-Think untuk setiap kumpulan.
2. Murid berbincang dalam kumpulan dan melengkapkan peta i-Think.
3. Murid membentangkan hasil kerja.

**Nota Guru**

- Galakkan murid melontarkan idea.
- Bimbing murid menjalankan aktiviti berkumpulan.

Sebut nama kitab secara beramai-ramai, kumpulan dan individu




Nota Guru

- Berikan pujian dan galakan kepada murid.
- Minta murid turus membantu rakan yang lemah.
- Minta murid menyebut nama kitab secara beramai-ramai, kumpulan dan individu.

## Rekod pencapaian murid

Nama : ______________________

Tarikh : ______________________

### Baca Nama Kitab

| Bil. | Nama Kitab | Skala |
|---|---|---|
| 1. | Taurat | |
| 2. | Zabur | |
| 3. | Injil | |
| 4. | Al-Quran | |
| | Jumlah Skala | |

### Hafal Nama Kitab

| Bil. | Nama Kitab | Skala |
|---|---|---|
| 1. | Taurat | |
| 2. | Zabur | |
| 3. | Injil | |
| 4. | Al-Quran | |
| | Jumlah Skala | |

Skala taksiran:
0 - Belum menguasai
1 - Sederhana
2 - Baik
3 - Cemerlang

Nota Guru

- Perbanyakkan senarai semak rekod pencapaian murid.
- Nyatakan prestasi setiap murid.
- Catat pencapaian murid pada carta.

## Laman Kreatif

### Kolaj Nama Kitab

1




Sediakan peralatan: sagu, kacang hijau atau beras, warna air, kertas putih, pen penanda dan gam.

2




Tampal bahan kolaj pada perkataan.

3




Lakukan tugasan secara berkumpulan.

4




Pamerkan hasil kolaj.

### Membudayakan Membaca al-Quran

Nota Guru

- Bimbing murid membuat kolaj.
- Jalankan aktiviti dalam keadaan terkawal.

Pelajaran 4

# IBADAH PENCETUS SAHSIAH

## Unit 4.1 Bacaan dan Perlakuan Solat

### Perhatikan dan fahami



**Info**

Solat ialah perkataan dan perbuatan tertentu yang dimulai dengan takbiratulihram dan diakhiri dengan salam.

*Sumber*:
*Al-Fiqh al-Manhaji Mazhab al-Syafie*, 2011. Selangor: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Nota Guru

- Sumbang saran gambar dengan murid.
- Terangkan kepada murid kaitan arah atau kiblat solat.

## Baca dan fahami

### 1. Berdiri betul dan niat







**Niat solat fardu subuh**

أُصَلِّي فَرْضَ الصُّبْحِ رَكْعَتَيْنِ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

"Sahaja saya solat fardu subuh dua rakaat tunai kerana Allah Taala".

**Info**

Sekiranya tidak mampu berdiri, boleh solat duduk mengikut kemampuan.



## Niat solat fardu zuhur

أُصَلِّيْ فَرْضَ الظُّهْرِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

"Sahaja saya solat fardu zuhur empat rakaat tunai kerana Allah Taala".



## Niat solat fardu asar

أُصَلِّيْ فَرْضَ الْعَصْرِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

"Sahaja saya solat fardu asar empat rakaat tunai kerana Allah Taala".



## Niat solat fardu maghrib

أُصَلِّي فَرْضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكَعَاتٍ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

"Sahaja saya solat fardu maghrib tiga rakaat tunai kerana Allah Taala".



## Niat solat fardu isyak

أُصَلِّيْ فَرْضَ الْعِشَاءِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

"Sahaja saya solat fardu isyak empat rakaat tunai kerana Allah Taala".

Nota Guru

- Latih murid membaca dan menghafal niat solat fardu secara lancar.

4.1.1 – 4.1.2

## 2. Takbiratulihram

Mengangkat kedua-dua tangan sambil melafazkan

اَللَّهُ أَكْبَرُ

 

## 3. Membaca Surah al-Fatihah

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ١

ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ٢ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ٣

مَٰلِكِ يَوۡمِ ٱلدِّينِ ٤ إِيَّاكَ نَعۡبُدُ وَإِيَّاكَ نَسۡتَعِينُ ٥

ٱهۡدِنَا ٱلصِّرَٰطَ ٱلۡمُسۡتَقِيمَ ٦

صِرَٰطَ ٱلَّذِينَ أَنۡعَمۡتَ عَلَيۡهِمۡ غَيۡرِ ٱلۡمَغۡضُوبِ عَلَيۡهِمۡ وَلَا ٱلضَّآلِّينَ ٧






## 4. Rukuk serta tamakninah

Bacaan rukuk: سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيْمِ وَبِحَمْدِهِ





## 5. Iktidal serta tamakninah

Bacaan iktidal:

سَمِعَ اللّٰهُ لِمَنْ حَمِدَهُ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ







**Info**

Tamakninah bermaksud berhenti seketika dengan sekurang-kurangnya kadar lafaz subhanallah.

## 6. Sujud sebanyak dua kali pada setiap rakaat serta tamakninah

Bacaan sujud: سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَىٰ وَبِحَمْدِهِ





## 7. Duduk antara dua sujud serta tamakninah

Bacaan duduk antara dua sujud:

رَبِّ اغْفِرْلِيْ وَارْحَمْنِيْ وَاجْبُرْنِيْ وَارْفَعْنِيْ وَارْزُقْنِيْ

وَاهْدِنِيْ وَعَافِنِيْ وَاعْفُ عَنِّيْ





## 8. Duduk tahiyat awal

Bacaan tahiyat awal.

اَلتَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّه،
اَلسَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ،
اَلسَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَىٰ عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِيْنَ،
أَشْهَدُ اَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللَّهُ،
اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ







**Info**
Duduk iftirasy ialah duduk tahiyat awal.

## 9. Duduk tahiyat akhir







**Info**
Duduk tawaruk ialah duduk tahiyat akhir.

## 10. Membaca tahiyat akhir

اَلتَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّهِ،
اَلسَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ،
اَلسَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِيْنَ،
أَشْهَدُ اَنْ لَا إِلَٰهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللَّهُ،
اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَىٰ آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،
كَمَا صَلَّيْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَىٰ آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ،
وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،
كَمَا بَارَكْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَىٰ آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ،
فِى الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ.

## 11. Selawat kepada Nabi Muhammad SAW dalam tahiyat akhir

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،
كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ،
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،
كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ،
فِى الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ.

## 12. Salam pertama

Lafaz salam: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ





## 13. Tertib

Tertib ialah susunan perlakuan solat mengikut turutan.

## Baca dan fahami

### Kebaikan Menunaikan Solat

- Mendapat pahala
- Mendisiplinkan peribadi
- Mencegah perbuatan keji dan mungkar
- Jiwa tenang
- Disayangi Allah SWT

### Kesan Meninggalkan Solat

- Berdosa
- Rugi di dunia dan di akhirat
- Dimurkai Allah SWT
- Jiwa gelisah
- Hidup sia-sia

Nota Guru

- Terangkan kebaikan menunaikan solat dan kesan meninggalkan solat kepada murid.

4.1.3

## Aktiviti

### Semak Bacaan Solat

Nama: ______________________________

Kelas: ________________ Tarikh: ________________

| Tahap Pencapaian | ★ | ★★ | ★★★ |
|---|---|---|---|
| Niat solat subuh | | | |
| Niat solat zuhur | | | |
| Niat solat asar | | | |
| Niat solat maghrib | | | |
| Niat solat isyak | | | |
| Takbiratulihram | | | |
| Surah al-Fatihah | | | |
| Tahiyat akhir | | | |
| Selawat kepada Nabi Muhammad SAW | | | |
| Salam | | | |

Skala:

★ Lemah ★★ Sederhana ★★★ Baik

## Simbol Kebaikan Menunaikan Solat



Disayangi Allah SWT



Mencegah perbuatan mungkar



Jiwa tenang



Mendisiplinkan peribadi

**Nota Guru**

- Uji murid dengan simbol kebaikan menunaikan solat.
- Kenalkan murid dengan ikon-ikon kebaikan menunaikan solat.

## Laman Kreatif

# Simulasi Solat Subuh

1



Kaedah simulasi: bahagikan murid kepada dua kumpulan.

2



Murid lelaki menunjukkan simulasi solat subuh.

3



Murid perempuan menunjukkan simulasi solat subuh.

4



Guru membetulkan perlakuan solat.

## Bersungguh-sungguh Menghindari Kemungkaran

Nota Guru

- Jalankan aktiviti mengikut kaedah Simulasi Pembelajaran Abad ke-21 secara berkumpulan.
- Berikan komen berkaitan simulasi solat subuh lelaki dan perempuan.

Pelajaran 5

# ADAB MEMPAMER SIKAP

## Unit 5.1 Adab terhadap Guru

### Perhatikan dan fahami




Nota Guru
- Minta murid memahami kandungan gambar.
- Sumbang saran tentang gambar dengan murid.

## Sajak




Guru,

Adab denganmu ialah
tingkah laku yang baik
dan sopan

Berbudi bahasa dan
tidak meninggikan suara

Apabila bercakap
denganmu.

Guru,
Adab denganmu akan kulakukan
Memberi salam itu mendoakanmu
Juga memuliakan dan menghargaimu
Bukan dengan wang dan hadiah
Cukup dengan mengucapkan terima kasih, cikgu.

Guru,
Aku tahu
Murid yang baik akan hormat pada gurunya
Bersalam dan mencium tangan
Juga mendengar dan patuh nasihatmu
Jauhi bahasa yang kasar
Demi meraih keberkatan ilmumu.



Nota Guru
- Bimbing murid mendeklamasikan sajak.
- Bimbing murid memahami maksud sajak.

5.1.1–5.1.2

## Baca dan fahami

### PENGERTIAN ADAB TERHADAP GURU

Tingkah laku yang baik, sopan, berbudi bahasa dan tidak meninggikan suara apabila bercakap dengan guru.

**ADAB TERHADAP GURU**

- Mendoakan kebaikan guru
- Memuliakan guru
- Memberi salam
- Membantu guru
- Bersalaman dan mencium tangan





Nota Guru

- Minta murid membaca pengertian adab terhadap guru secara beramai-ramai, kumpulan dan individu.

5.1.1 – 5.1.2

## Perhatikan gambar dan sebut




Nota Guru

- Bersoal jawab dengan murid tentang beradab terhadap guru sama ada di dalam kelas atau di luar kelas.
- Berikan pujian kepada murid yang boleh menjawab soalan dengan betul.

5.1.2

Baca dan fahami

## KELEBIHAN BERADAB TERHADAP GURU

- Disayangi Allah SWT
- Dikasihi guru
- Dihormati masyarakat
- Mendapat pahala
- Mendapat keberkatan ilmu
- Mendapat kejayaan dalam hidup



Nota Guru

- Terangkan kepentingan menghormati guru.
- Tanamkan sikap menghormati guru kepada murid.

5.1.3

## Aktiviti

### Cuba Jaya

yang baik, sopan,

berbudi bahasa

suara apabila bercakap

dan tidak meninggikan

Tingkah laku

dengan guru



Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti gambar beradab terhadap guru.
- Bimbing murid menyusun potongan ayat sehingga menjadi pengertian adab terhadap guru.

Sebutkan cara beradab terhadap guru berdasarkan gambar.




Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti gambar beradab terhadap guru.

## Kumpul maklumat

**Arahan:**

1. Guru menyediakan peta i-Think untuk setiap kumpulan.
2. Murid mengumpulkan maklumat berpandukan buku teks.
3. Murid berbincang dalam kumpulan dan memasukkan maklumat pada peta i-Think.
4. Ketua kumpulan membuat pembentangan.




Nota Guru

- Galakkan murid bekerjasama dalam kumpulan.
- Bimbing murid mengumpulkan maklumat.
- Bimbing murid menjalankan aktiviti berkumpulan dengan selamat dan terkawal.

Padankan pernyataan dengan gambar.










Memberi salam sebelum masuk ke kelas

Membantu guru membawa buku

Sentiasa meminta maaf jika berbuat salah

Menundukkan badan semasa lalu di hadapan guru



Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti gambar berdasarkan pernyataan.

Sebutkan kebaikan beradab terhadap guru.

Disayangi Allah SWT

Mendapat keberkatan

Berjaya dalam hidup

Mendapat pahala

Disayangi guru

Nota Guru

- Bantu murid menyebut kebaikan beradab dengan guru.
- Berikan galakan kepada murid untuk menjawab soalan dengan betul.

## Laman Kreatif

### Hadiah untuk Guru

1



Sediakan peralatan: kalendar lama, pembaris, pembalut plastik, gam dan kertas.

2



Gulung kertas dan gam.

3



Tampal gulungan kertas pada kalendar.

4



Pamerkan hasil karya.

**Sayangi Guru Dikasihi Allah SWT**

Nota Guru

- Bimbing murid menjalankan aktiviti dalam keadaan terkawal.
- Berikan pujian dan galakan kepada murid selepas aktiviti selesai.

# Unit 5.2 Adab terhadap Rakan

## Teliti dan fikirkan




Nota Guru

- Sumbang saran tentang gambar dengan murid.

## Teliti dan hayati

Adab terhadap rakan ialah tingkah laku dan perbuatan yang menjurus kepada mengasihi rakan seperti mengasihi diri sendiri.





**Info**

عَنْ أَبِيْ حَمْزَةَ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ خَادِمِ رَسُوْلِ اللَّهِ عَنِ النَّبِيِّ قَالَ: (لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيْهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ. (رَوَاهُ الْبُخَارِي وَمُسْلِمٌ)

Maksud: *Daripada Abu Hamzah, Anas bin Malik r.a. daripada Nabi Muhammad SAW, Baginda bersabda: "Tidak sempurna iman seseorang itu sehingga ia mencintai saudaranya seperti ia mencintai dirinya sendiri."*

(al-Bukhari dan Muslim)

Nota Guru
- Bimbing murid memahami adab terhadap rakan.
- Bersoal jawab dengan murid contoh adab terhadap rakan.

5.2.1

## Baca dan fahami




Memberikan salam ketika bertemu



Segera memberikan bantuan apabila diperlukan










Nota Guru

• Galakkan murid melontarkan idea berdasarkan gambar.

5.2.2

Baca dan fahami

## Kelebihan Beradab terhadap Rakan

Ramai kawan

Kehidupan harmoni



Disenangi rakan

Mendapat ketenangan dan ketenteraman jiwa

Mengeratkan tali persaudaraan



Nota Guru

• Jelaskan kelebihan beradab terhadap rakan.

5.2.2

## Aktiviti

### Teka Silang Kata




**Menegak**

1 

2 

3 

**Melintang**

2 

4 



Nota Guru

• Bimbing murid menjawab silang kata.

Lakonkan contoh adab terhadap rakan.

## Contohi Adab Kami



Memberi salam



Bersalaman


Membantu


Hormat

Nota Guru

• Rakam lakonan murid dan paparkan pada hujung pembelajaran.

Laman Kreatif

## Contohi Sahabatku

1




Sediakan peralatan: kertas bentuk hati (adab terhadap rakan).

2



Latih murid melakonkan watak adab yang dipilih.

3



Buat persembahan di hadapan kelas.

4



Berikan hadiah kepada kumpulan terbaik.

**Berkasih Sayang Sesama Insan**



Nota Guru

- Lakukan aktiviti mengikut kaedah Drama (*Role Play*) dalam Pembelajaran Abad ke-21 secara berkumpulan.

Pelajaran 6

# SIRAH MENGHAYATI SALASILAH

## Unit 6.1 Kisah Penyusuan Nabi Muhammad SAW

### Lihat dan fikirkan






**Info**

وَٱلۡوَٰلِدَٰتُ يُرۡضِعۡنَ أَوۡلَٰدَهُنَّ حَوۡلَيۡنِ كَامِلَيۡنِۖ لِمَنۡ أَرَادَ أَن يُتِمَّ ٱلرَّضَاعَةَۚ ...

Maksud: *Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu.*

(Surah al-Baqarah 2:233)

*Sumber:*
- *Al-Raheeq al-Makhtum*, 1994. Madinah: Jamiah al-Islamiyah.
- *Al-Sirah al-Nabawiyyah, Ibn Hisyam*, 1990. Beirut: Darul Kitab al-Arabi.

Nota Guru
- Minta murid memerhatikan gambar.
- Jelaskan kepada murid kaitan antara info, gambar dengan tajuk.

Perhatikan dan baca

# PENYUSUNAN NABI MUHAMMAD SAW

## AMINAH BINTI WAHAB

Tempoh penyusuan tujuh hari

Ibu kandung Nabi Muhammad SAW

Keturunan Bani Hashim

## THUWAIBAH AL- ASLAMIYAH

Tempoh penyusuan selama beberapa hari

Ibu susuan Nabi Muhammad SAW

Hamba perempuan Abu Lahab (bapa saudara Nabi Muhammad SAW)

**Info**

Thuwaibah al-Aslamiyah juga merupakan ibu susuan Hamzah bin Abdul Mutalib, iaitu bapa saudara Nabi Muhammad SAW.




Nota Guru

- Latih tubi murid membaca dengan lancar.
- Bantu murid mengetahui peristiwa penyusuan Nabi Muhammad SAW.

6.1.1

## Baca dan hayati

**PERISTIWA PENYUSUAN NABI MUHAMMAD SAW**

- Adat orang Quraisy menghantar bayi kepada ibu susuan di kampung.
- Nabi Muhammad SAW disusui oleh ibunya, Aminah, selama tujuh hari. Selepas itu, Thuwaibah al-Aslamiyah menyusui Baginda pula.
- Halimah al-Sa’adiyah mengambil keputusan menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai anak susuannya.
- Baginda dibawa oleh Halimah al-Sa’adiyah pulang ke perkampungan Bani Sa‘ad untuk disusukan selama tiga hingga lima tahun.



## Sebab Penyusuan

- Adat kebiasaan masyarakat bangsawan Arab
- Terhindar daripada penyakit
- Menguatkan fizikal
- Memberikan kemahiran berbahasa Arab jati

## Kebaikan Peristiwa Penyusuan Nabi Muhammad SAW

- Membentuk fizikal yang kuat
- Menghindarkan penyakit
- Membentuk jati diri
- Membentuk kefasihan berbahasa Arab

Nota Guru

- Fahamkan murid tentang peristiwa penyusuan Nabi Muhammad SAW.
- Sumbang saran berkaitan peristiwa penyusuan Nabi Muhammad SAW dengan murid.

6.1.2

Baca dan hayati

## Pengajaran Peristiwa Penyusuan Nabi Muhammad SAW

1. Menjauhi perkara tidak baik
2. Mendampingi orang yang baik
3. Persekitaran membentuk peribadi seseorang
4. Kepentingan mempelajari bahasa dalam kehidupan




Nota Guru

- Lakukan perbincangan di dalam kelas.
- Latih tubi murid membaca pengajaran peristiwa penyusuan Nabi Muhammad SAW di dalam kelas.

6.1.3

## Aktiviti

Kenal pasti wanita yang menyusui Nabi Muhammad SAW

- Menyusui Nabi Muhammad SAW selama tujuh hari
- Hamba perempuan Abu Lahab
- Menyusui Nabi Muhammad SAW selama tiga hingga lima tahun
- Suku kaum Bani Sa'ad
- Tempoh penyusuan beberapa hari



Nota Guru

- Bimbing murid mencari jawapan.
- Berikan pujian kepada murid yang dapat menjawab soalan dengan betul.

## Laluan Maklumat

### Soalan Laluan Stesen



1. Namakan ibu kandung Nabi Muhammad SAW.
2. Aminah sempat menyusui Nabi Muhammad SAW selama ....
3. Siapakah ibu susuan yang menyusui Nabi Muhammad SAW selama beberapa hari?
4. Sebutkan nama ibu susuan Nabi Muhammad SAW daripada Bani Sa'ad.
5. Berapa lamakah Halimah al-Sa'adiyah menyusui Nabi Muhammad SAW?
6. Mengapakah Nabi Muhammad SAW dihantar kepada ibu susuan untuk disusukan?
7. Apakah kebaikan peristiwa penyusuan Nabi Muhammad SAW?
8. Sebutkan pengajaran peristiwa penyusuan Nabi Muhammad SAW.




## Arahan permainan:

- Permainan dijalankan secara serentak.
- Setiap pemain perlu melintasi semua stesen dan mengambil satu soalan untuk dijawab.
- Pemain yang dapat menjawab soalan dengan betul akan diberikan satu markah. Pemain yang gagal menjawab soalan tidak diberikan markah.
- Markah akan dikira setelah semua pemain melintasi semua stesen.
- Gunakan kreativiti guru untuk menjalankan permainan.

Nota Guru

- Sediakan kad markah.
- Pastikan aktiviti berlangsung dalam keadaan terkawal.
- Muat turun bahan aktiviti daripada pautan Internet, *http://tb-bukuteks.s3.amazonaws.com/DBP/u61ms137.pdf*
- Cetak bahan aktiviti pada kertas A3 dan jalankan aktiviti bersama-sama murid.

Laman Kreatif

## Syair Penyusuan Nabi Muhammad SAW

Nabi Muhammad rasul junjungan,
Memberi rahmat umat sekalian,
Baginda yatim dalam kandungan,
Tinggal baginda anak kesayangan.

Ibu kandungnya bernama Aminah,
Tujuh hari susu digagah,
Disusui pula Thuwaibah al-Aslamiyah,
Beberapa hari berakhirlah sudah.

Adat Quraisy keturunan bangsawan,
Menghantar bayi ke kampung halaman,
Suasana damai udara pun nyaman,
Penyakit tiada, peribadinya mapan.

Bani Sa'ad asal usulnya,
Halimah al-Sa'adiyah insan mulia,
Baginda disusukan penuh ceria,
Tiga hingga lima tahun tempoh jayanya.

Rasulullah disusukan penuh kasih,
Fizikal kuat persekitarannya bersih,
Pertuturan dilafaz lebih fasih,
Akhlak terpuji rasul terpilih.




Meyakini Kekuasaan Allah SWT

Nota Guru
- Bimbing murid membaca syair.
- Bantu murid memahami kandungan syair.

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

**Skim Pinjaman Buku Teks**

**Sekolah** ____________________________________

| Tahun | Darjah | Nama Penerima | Tarikh Terima |
|---|---|---|---|
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

Nombor Perolehan: ____________________________

Tarikh Penerimaan: ____________________________

**BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL**